


# 1950-an: Merdeka dan Selepasnya

## Sebelumnya

- [1940-an: Penaklukan Jepun dan Selepasnya](#)

## 1950-an: Mahkamah



*"The Kajang courts building was as popular as the town's parks! NSTP PIC (1956)" (David Christy @ New Straits Times, 24 Februari 2019:*

*"The happy ghosts of Kajang").*

## 1956: Balai Bomba





**Kiri:** *"sold the prime land to metro present hotel"* - Augustus Walter CN Jacobs. *"virtually all prime land in Kajang has been handed over to MKH GROUP."* - Nantha Kumar Appadurai (Facebook Bandar Kajang, 28 Oktober 2019:

|

"KAJANG": [Balai Bomba Kajang, 1976](#)).

**Kanan:** *"Kenangan balai bomba Kajang sebelum lokasi berpindah ke bukit mewah Kajang."* (Tapa Seni Rimba @ Facebook Bandar Kajang Group, 18 Februari 2019: ["Kenangan balai bomba Kajang sebelum lokasi berpindah ke bukit mewah Kajang."](#)). *"Lokasi jalan bukit Kajang tahun sekitar 1981, Balai bomba Kajang, Anda dan keluarga ada kenangan disini . Mustafa Yahya pelukis hulu langat."* (Tapa Seni Rimba @ Facebook Bandar Kajang Group, 16 Ogos 2017:

|

"Balai bomba Kajang").



*"The iconic Bomba station, built in 1956, is no more too. NSTP PIC (1991)"* (David Christy @ New Straits Times, 24 Februari 2019:

|

"The happy ghosts of Kajang").

## 1959: Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS)



*"Sejarah Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Shah, (SAAS), Kajang bermula pada Tahun 1959 dengan penubuhan Darjah Menengah Melayu. Sebagai sekolah menengah melayu pertama di Daerah Hulu Langat, penubuhan Darjah Menengah Melayu berkait rapat dengan perkembangan pendidikan aliran bahasa melayu di negara ini selaras dengan perkembangan pendidikan kebangsaan iaitu pendidikan untuk semua kaum dengan menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa pengantar utama.*

*SMKK bermula dengan lima buah kelas yang terdiri daripada 326 orang murid dan lapan orang guru. Lima kelas tersebut termasuk kelas tingkatan empat. Dengan ini murid yang lulus LCE tidak perlu lagi melanjutkan pelajar ke Kuala Lumpur SMKK didirikan berdasarkan beberapa sebab yang difikirkan perlu oleh pihak Kementerian Pendidikan pada masa itu. Pertamanya, untuk membolehkan pelajar-pelajar sekolah rendah kebangsaan di daerah Hulu Langat meneruskan persekolahan mereka ke sekolah menengah kebangsaan.*

*Pada awalnya, Darjah Menengah Melayu yang ditubuhkan ini tidak mempunyai bangunan sekolah sendiri. Sehingga tahun 1960, sekolah menumpang di bangunan Sekolah Rendah Kebangsaan Perempuan Kajang. Di antara tahun-tahun 1961 dan 1963, Darjah Menengah Melayu berpindah dengan menumpang di Sekolah Rendah Kebangsaan Lelaki Kajang, Sungai Kantan.*

*Semasa ditubuhkan pada tahun 1959, Darjah Menengah Melayu mempunyai hanya satu kelas, iaitu tingkatan satu dengan 40 orang murid serta 2 orang guru sahaja. Pada tahun 1963, bilangan kelas bertambah kepada empat kelas dengan kelas paling asas iaitu tingkatan 3. Pelajar tingkatan 3 yang lulus peperiksaan LCE bagi tahun 1961 dan 1962 terpaksa melanjutkan pelajaran ke tingkatan 4 di Kuala Lumpur. Di antara sekolah yang menjadi pilihan ialah Sekolah Menengah Jalan Cochrane.*

*Pada awal tahun 1960an, Darjah Menengah Melayu mengalami perkembangan dengan bertambahnya bilangan kelas serta murid. Sambutan masyarakat di daerah ini terhadap Darjah Menengah Melayu begitu baik. Keadaan ini mendorong kerajaan membina sebuah sekolah menengah di Batu 14, Jalan Cheras, Kajang di atas tanah seluas 10.23 ekar. Pada penghujung tahun 1963, sekolah ini siap dibina dan pada Januari 1964, sekolah ini mula dibuka dengan nama Sekolah Menengah Melayu yang menumpang di Sekolah Rendah Lelaki Kajang berpindah ke sekolah ini. Pada masa itu, SMKK merupakan Sekolah Menengah yang pertama di Kajang."*



(Sumber: SMK SAAS,KAJANG:

"Sejarah SMK SAAS").

From:

<https://kajang.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Kajang**

Permanent link:

<https://kajang.pulasan.my/1950an?rev=1781174718>

Last update: **2026/06/11 18:45**

